

23 SEP 1998

Mahathir-Pemulihan

EKONOMI MENUNJUKKAN PETANDA PEMULIHAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Ekonomi Malaysia menunjukkan petanda pemulihan dan ia dibuktikan daripada hakikat bahawa rizab asing negara telah meningkat dengan ketara sejak pengawalan pertukaran dilaksanakan pada 1 Sept, 1998, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

"Saya rasa petanda pemulihan sudah kelihatan. Dalam tiga minggu pertama bulan ini selepas pengawalan pertukaran matawang dilaksanakan, rizab negara meningkat sebanyak AS\$90 juta (AS\$1=RM3.80)," katanya, ketika memberi ucapan kepada pemimpin masyarakat China yang mengunjunginya di Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata, ringgit mula mengalir semula ke dalam sistem kewangan berikutan pengawalan pertukaran yang juga mengekang aliran keluar ringgit ke luar negara.

"Kini wang mula masuk dan tidak keluar," tambahnya.

Beliau berkata banyak simpanan kini masuk ke dalam rizab negara hasil daripada langkah-langkah baru itu yang kini memerlukan dagangan dikendalikan dalam matawang asing.

Dr Mahathir berkata barangan dieksport dan dijual dalam dolar AS dan bayaran dalam dolar Amerika itu kemudiannya digunakan untuk membeli barangan.

"Kita kini mengeksport lebih daripada yang kita import oleh itu kita mempunyai banyak simpanan yang masuk ke dalam rizab pertukaran asing negara," katanya.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia lebih bertuah jika dibandingkan dengan jiran-jirannya memandangkan kerajaan negara ini tidak meminjam terlalu banyak dari negara luar.

"Kita cukup mantap dari segi ekonomi. Kerajaan dan masyarakat perniagaan di Malaysia tidak perlu meminjam terlalu banyak wang dari luar negara," tambahnya.

Merujuk pada langkah-langkah yang diambil untuk menangani ekonomi bagi melindungi ringgit daripada serangan spekulator matawang asing dan membendung perdagangan saham-saham Malaysia di pasaran tidak rasmi Central Order Limit Book (CLOB) di Singapura, Perdana Menteri berkata langkah-langkah berkenaan bertujuan memulihkan ekonomi.

Beliau menggesa masyarakat perniagaan mengambil kesempatan untuk berniaga seperti sediakala serta memulihkan ekonomi dengan merangsangkan sektor hartanah kerana sektor tersebut menyokong kira-kira 150 industri lain yang berkaitan.

"Dengan cara ini, kita boleh berkembang di dalam negeri sungguhpun kita tidak akan berkembang seperti mana dulu di mana harga-harga saham melonjak naik."

Dr Mahathir berkata Indeks Komposit Kuala Lumpur, pengukur prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur akan bertambah baik tetapi ia tidak akan mencapai 1,4000 mata seperti dulu.

Beliau berkata jika indeks itu mencapai 500, 600 atau 700 mata, ia dianggap sudah cukup baik.

-- BERNAMA

DVS/RV MA FAZ